

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN**  
**YAYASAN FELDA TAHUN 2007**

1. Selaras dengan kajian semula dasar-dasarnya, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Felda telah memutuskan bahawa pada tahun 2007 keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang bersenergi dengan aktiviti dan kepentingan Kumpulan Felda.
2. Justeru itu beberapa **kriteria** ditetapkan seperti berikut:
  - (a) Projek-projek yang dapat dimanfaatkan oleh warganegara Malaysia
  - (b) Berpotensi Komersial
  - (c) Penyelidikan berupa projek baru dan belum dilaksanakan oleh mana-mana IPT atau organisasi lain di Malaysia.
  - (d) Terbuka kepada penyelidik yang tidak pernah mendapat Geran Penyelidikan Yayasan. Bagi mereka yang pernah mendapat bantuan geran ini hendaklah mereka yang telah menyiapkan projek sebelumnya.
  - (e) Ketua Penyelidik adalah terdiri dari Warganegara Malaysia.
  - (f) Permohonan yang telah dikemukakan sebelum ini dan telah diberi pertimbangan oleh Yayasan tidak perlu dikemukakan semula.
3. Selain itu, pemohon-pemohon dikehendaki berbincang terlebih dahulu dengan Jabatan Felda atau Syarikat-Syarikat Kumpulan Felda untuk menentukan bidang penyelidikan yang ingin dikaji. Pihak Yayasan akan mengkaji ulasan/sokongan mereka sebelum permohonan tersebut dikemukakan untuk pertimbangan ke **Jawatankuasa Bantuan Pendidikan dan Penyelidikan (JKBPP)** Yayasan.
4. Bagi memudahkan urusan di atas, bersama-sama ini disertakan maklumat **Jabatan Felda / Direktori dan Profil Subsidiari Kumpulan Felda** serta peranan aktiviti mereka sebagai panduan pihak tuan serta sesalinan contoh **borang permohonan** pembiayaan projek geran penyelidikan tahun 2007.
5. Permohonan yang lengkap penuh serta telah mendapat **ulasan/sokongan** dan **pengesahan** daripada Jabatan Felda atau Syarikat Kumpulan Felda hendaklah dihantar ke Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi selewat-lewatnya pada 25 Mei 2007 untuk tindakan selanjutnya.